# SISTEM e-PENYATA GAJI DAN LAPORAN
## *e-PAY SLIP AND REPORT SYSTEM*

ePayslip JANM adalah merupakan Aplikasi Mudah Alih bagi Sistem ePenyata Gaji dan Laporan (eSPGL). Sistem ini digunakan oleh pengguna di kalangan Penjawat Awam Persekutuan bagi :

1. Memuat turun Penyata Gaji Bulanan
2. Memuat turun Penyata Tahunan
3. Memuat turun Penyata Untuk Pinjaman
4. Mengemaskini Profil Pengguna (Emel dan No Telefon)
5. Memberi maklum balas Aplikasi
6. Menerima hebahan terkini JANM

[Apa anda perlu tahu sebagai PENGGUNA BAHARU?]
+ Anda PENJAWAT AWAM PERSEKUTUAN
+ Anda BUKAN dari Agensi Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Agensi Berkanun dan Tentera.
+ Anda TELAH mempunyai No Gaji yang di terima dari Unit Gaji Agensi anda
+ Anda hendaklah MENDAFTAR dahulu sebelum mula login

[Penyata Gaji Bulanan]
Dokumen Penyata Gaji Bulanan di jana oleh sistem setiap bulan dan menjadi kewajipan pemiliknya untuk memuat turun dan menyimpannya. Sistem hanya menyimpan dokumen tersebut untuk tempoh 18 bulan terkini sahaja.

[Penyata Tahunan]
Dokumen Penyata Tahunan akan dijana setiap tahun dan disimpan di dalam sistem untuk tempoh 7 tahun tekini sahaja.

[Penyata Untuk Pinjaman]
Dokumen Penyata Gaji Bulanan Penjawat Awam Persekutuan khas yang mempunyai ciri keselamatan QR Code boleh dijana untuk tempoh 3 bulan terkini sahaja. Dokumen tersebut sah laku untuk tempoh 10 hari sahaja.

Setiap dokumen yang di muat turun adalah dalam format PDF. Setiap pengguna hendaklah memastikan aplikasi PDF Viewer telah dibuat instalasi.

Kami sentiasa berusaha untuk menambahbaik sebarang kelemahan penggunaan aplikasi mudah alih kami, dan sangat menghargai maklum balas yang diberi. Sebarang masalah penggunaan aplikasi mudah alih ini boleh terus disalurkan ke emel bantuan kami di emel epayslip@anm.gov.my.

Langkah 1

Masukkan link di portal internet : https://www.anm.gov.my/

Langkah 2

Pilih/tekan Ikon Sistem e-Penyata Gaji Dan Laporan (seperti gambar rajah)



Langkah 3

Pilih/tekan Ikon di bahagian muat turun sekarang.

i. Bagi pengguna android pilih ikon *Google Play* (seperti gambar rajah)
ii. Bagi pengguna phone pilih ikon *App Store* (seperti gambar rajah)



Langkah 4

Tekan *install* untuk dimuat turun

